

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL  
[PERMATANG PAUH - PKR]**

**SOALAN NO. 490**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk memberi ganjaran setimpal kepada pasukan bola sepak kebangsaan bawah-23 yang berjaya layak ke peringkat suku akhir di kejohanan Piala Asian Football Confederation (AFC), meskipun tidak layak ke peringkat akhir namun pencapaian itu amat membanggakan dan mengharumkan nama negara, dan nyatakan butiran ganjaran itu kepada pemain, jurulatih dan pengurus sukan.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) tidak dapat mempertimbangkan pemberian insentif kepada skuad bola sepak bawah 23 tahun negara yang layak ke suku akhir Kejohanan Piala Asia (AFC) 2018 di China baru-baru ini. Ini adalah kerana berdasarkan **Skim Hadiah Kemenangan Sukan Majlis Sukan Negara (SHAKAM)** yang telah dilaksanakan bermula tahun 1986, pemberian insentif ini hanya diberikan kepada atlet atau pasukan yang berjaya memenangi pingat di temasya sukan antarabangsa seperti di peringkat Olimpik, Asia, Komanwel dan SEA serta kejohanan-kejohanan individu yang setaraf dengannya.

Sekian, terima kasih.